

Hargai jasa wira negara – Najib

Utusan Online

03 Mac, 2013

Oleh METRA SYAHRIL MOHAMED dan ASSIM HASSAN

PETALING JAYA 2 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak rakyat khususnya golongan muda supaya mengingati serta menghargai jasa mana-mana pihak atau individu yang berkorban apa sahaja demi memastikan negara kekal aman dan selamat.

Mengambil contoh dua anggota komando VAT 69 yang terbunuh ketika bertempur dengan kumpulan bersenjata yang mendakwa sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu di Lahad Datu, Sabah semalam, jelas Perdana Menteri, itu adalah satu pengorbanan yang cukup besar kepada negara.

Menurutnya, untuk itu, rakyat perlu membalas semula jasa-jasa sedemikian dengan berbakti membangunkan masyarakat dan negara menerusi penglibatan dalam aktiviti kesukarelaan.

"Semalam kita kehilangan dua perwira negara. Mereka berkorban supaya kita dapat hidup aman dan damai. Kita perlu ingat dan balas jasa ini. Oleh itu, saya mengimpikan suatu hari nanti, golongan muda akan berganding bahu bukan sahaja untuk membantu antara satu sama lain tetapi masyarakat melalui semangat sukarela.

"Saya percaya, jika kita menyumbang sesuatu dan membantu orang lain, kita akan berasa puas dan gembira. Hal ini kerana semangat sukarelawan adalah amalan tidak mementingkan diri dan bertujuan meningkatkan kualiti hidup masyarakat tanpa mengharapkan balasan apa-apa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Konvensyen Belia dan Kesukarelaan 1Malaysia for Youth (1M4U) di kampus Universiti Taylor's di sini hari ini.

Dalam majlis sama, beliau melancarkan stesen radio 1M4U FM yang bersiaran di frekuensi 107.9 fm.

Najib turut mengumumkan keputusan Kabinet meluluskan tempahan 9,999 nombor pendaftaran kenderaan '1M4U' yang akan digunakan untuk menjana Dana Sukarelawan 1Malaysia (DRe1M).

Sebagai permulaan, beliau sendiri telah menempah nombor pendaftaran kenderaan 1M4U 11.

Najib memberitahu, selain golongan muda, syarikat-syarikat korporat juga dipelawa untuk bersama menyemarakkan semangat sukarela melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Sementara itu di **SHAH ALAM**, ketika melancarkan 1M4U Outreach Centre peringkat kebangsaan di kampus Puncak Alam, Universiti Teknologi Mara (UiTM) beliau berkata, kerajaan amat prihatin bahawa masa depan negara bergantung kepada kualiti modal insan dan ditentukan oleh pemimpin masa depan.

"Anak-anak muda adalah pemimpin kini dan akan datang. Sebab itu kita mengubah landskap, pendekatan dan strategi melalui beberapa pendekatan program dengan melibatkan golongan muda.

"Kita beri mereka 'kuasa' dan bantuan supaya mereka boleh berdikari, membina akal fikiran dan menggerakkan apa-apa program berasaskan semangat kesukarelaan supaya dapat melakukan suatu perubahan besar kepada negara," katanya.

Sempena pelancaran 1M4U Outreach Centre itu, Najib berkata, sebanyak 100 buah 1M4U Outreach Centre akan dibuka di institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk institut pendidikan guru (IPG) dan kolej matrikulasi.

"Sebelum ini 1M4U Outreach Centre diberikan dana sebanyak RM5,000. Tetapi hari ini saya ambil keputusan untuk tingkatkan kepada RM10,000," tambahnya.

Yang turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ali Hamsa dan Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Seri Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130303/dn_03/Hargai-jasa-wira-negara---Najib